

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian bersedia untuk mengisikan subjek pengetahuan asas agama Islam sebagai subjek wajib diambil oleh pelajar Islam di Malaysia. Kefahaman yang lebih baik terhadap agama ini oleh pendidikan berbagai kaum akan memberi kesan positif kepada perpaduan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti sedia maklum, walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun mata pelajaran tersebut adalah **wajib dipelajari** oleh semua murid-murid Islam bagi Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh murid-murid dalam peperiksaan SPM. Tujuan utama KPM menjadikan mata pelajaran ini sebagai subjek teras adalah untuk melahirkan modal insan yang dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni melalui pendidikan (tarbiah), pengadaban (ta'adib) dan penghayatan nilai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memberi perhatian kepada usaha mengukuhkan kefahaman terhadap agama Islam dan yakin usaha tersebut turut memberi kesan positif kepada perpaduan negara. Bagi mencapai mencapai hasrat tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, melalui anjakan ketiga iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan. Di antara langkah yang sedang dilaksanakan ialah seperti penambahbaikan kandungan kurikulum Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), dan kaedah pentaksiran yang lebih holistik merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan efektif serta memasukkan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).